

Pengaplikasian Kaedah Tafsir al-Qur'an dengan Qira'at oleh Muhammad Said bin Umar di dalam *Tafsir Nurul Ihsan*

Mohd Nazri Ahmad¹, Muhd Najib Abdul Kadir¹ & Haziyah Hussin¹

Email: m_nazri@ukm.edu.my, abunaseh@ukm.edu.my, haziyah@ukm.edu.my

¹Pensyarah di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM

Abstrak

Ulama di Nusantara telah memberi sumbangan dalam penulisan Tafsir al-Qur'an, antaranya ialah Muhammad Said bin Umar. Beliau telah menjadikan *Qira'at Tafsiriyyah* sebagai sumber pentafsiran di dalam *Tafsir Nurul Ihsan*. Artikel ini membincangkan tafsiran beliau terhadap sebahagian ayat-ayat al-Quran dengan menggunakan sumber *Qira'at Tafsiriyyah*. Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis kandungan terhadap *Tafsir Nurul Ihsan*. Data dikumpul melalui analisis dokumen dan dianalisis secara deskriptif. Berdasarkan penelitian yang dibuat, Muhammad Said merujuk kepada *Qira'at Mutawatirah* dan *Qira'at Mudrajah* di dalam *Tafsir Nurul Ihsan*. Seajar dengan itu, pengaplikasian Qira'at dalam tafsir, kajian ini meletakkan Muhammad Said sebagai pelopor dalam bidang ini di Malaysia.

Kata kunci: Muhammad Said Umar, *Tafsir Nurul Ihsan*, Nusantara, *Qira'at Tafsiriyyah*, Tafsir al-Qur'an

Abstract

Scholars in Malay world have contributed brilliantly to the writing Quran Exegesis such as Muhammad Said bin Umar. He observes *Qiraat Tafsiriyyah* as a source of interpretation in *Tafsir Nurul Ihsan*. This article discusses his interpretation of some verses of the Quran using *Tafsiriyyah Qira'at* sources. The study has design a content analysis of *Tafsir Nurul Ihsan*. Data collected through document analysis and descriptive analysis. The study believed that Muhammad Sa'id referred to *al-Qira'at al-Mutawatirah* and *al-Qira'at al-Mudrajah* is highly sources of reference in *Tafsir Nurul Ihsan*. In line with this, its application of the Qiraat on his text, the present study therefore reveals Muhammad Said is a pioneer in this field in Malaysia.

Keywords: Muhammad Sa'id Umar, *Tafsir Nurul Ihsan*, Malay World, *Qira'at Tafsiriyyah*, Quranic commentary

1. Pengenalan

Penulisan kitab tafsir merupakan salah satu daripada ilmu pengajian Islam yang mula mendapat perhatian penting daripada ulama Tanah Melayu pada awal abad ke-20. Penulisan ini berlaku agak lewat berbanding penulisan ilmu-ilmu lain seperti fiqh, akidah, tasawuf dan hadis. Masyarakat Muslim Malaysia sebelum itu sangat bergantung kepada kitab tafsir dalam bahasa Arab yang dijadikan buku teks dan rujukan dalam pengajian tafsir al-Quran. Antara ulama Malaysia yang terawal menyumbang dalam bidang ini ialah Muhammad Said bin Umar (m. 1932). Kitab tafsirnya, *Tafsir Nur al-Ihsan* dikenalpasti sebagai tafsir berbahasa Melayu yang pertama di Malaysia. Pengkaryaan tafsir ini mengambil masa hampir tiga tahun, bermula pada tahun 1346H/1925 dan tamat pada tahun 1344H/1927. Ia diterbitkan buat kali pertamanya pada tahun 1934. Ternyata penerbitan *Tafsir Nur al-Ihsan* mempunyai signifikan dalam mengisi vakum literatur tafsir dan keperluan masyarakat Islam khususnya orang-orang Melayu di Malaysia kepada sebuah karya dalam bahasa

Melayu yang membantu mereka memahami maksud al-Quran dan menghayatinya. Meskipun penyampaian bahasa dalam tafsir ini agak klasik, namun ia masih relevan dalam pengajian tafsir di masjid-masjid dan pondok-pondok. Tafsir ini juga menjadi sebahagian kajian dan bahan pengajian dalam kursus-kursus di institusi pengajian tinggi. Artikel ini bertujuan mengetengahkan salah satu kaedah yang digunakan oleh Muhammad Said dalam *Tafsir Nurul Ihsan* iaitu *Tafsiran al-Qur'an dengan Qira'at*. Sehubungan itu, sebahagian kecil sahaja contoh yang akan disebut dalam artikel ini. Artikel ini juga akan menonjolkan nilai intelek terhadap warisan peninggalan ulama Melayu ini.

2. Latar Belakang Muhammad Said

Hampir semua pengkaji didapati mencatatkan nama penuh tokoh ini sebagai Muhammad Said bin Umar bin Aminuddin bin Abdul Karim (Ismail 1995; Muhammad Ismi 2003; Zulkifli & Hamza 2005; Nurzatil Ismah 2009; Mazlan, Jawiah & Muhd Najib 2009; Mohd Sholeh & Mohd Nizam 2013). Ejaan sebegini merupakan transliterasi kepada nama asal pengarang dalam tulisan jawi, justeru ada kewajaran ejaan ini digunakan meskipun ejaan yang digunakan sebagai nama persatuan keturunan beliau ialah Mohd Saaid bin Omar (www.saaid.org.my). Muhammad Said memperkenalkan dirinya dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* sebagai Said bin Umar yang bermazhab Shafi'i dan beramal dengan tarekat Naqsyabandi Ahmadi (Muhammad Said 1934, jld.4).

Tahun kelahiran Said tidak dapat dipastikan tetapi Wan Saghir (2004) menukilkan riwayat yang menyatakan tahun 1270 Hijrah bersamaan 1854 Masihi, manakala Zulkifli & Hamza (2005) merekodnya tahun 1275H. Kampung kelahirannya ialah Kampung Kuar, Jerlun, Kedah. Said dibesarkan dalam sebuah keluarga yang mengambil berat soal agama. Bapanya, Umar merupakan seorang khatib yang fasih menyampaikan khutbah, justeru dikenali sebagai Umar Khatib. Umar membawa keluarganya mengembara ke beberapa daerah. Pada mulanya beliau berpindah ke Changkat, di daerah Kerian, kemudian ke Kampung Kedah di Sungai Aceh, Perak dan akhirnya kembali ke Kedah (Hamza & Zulkifli 2005). Para penyelidik didapati berbeza pendapat tentang kedudukan kampung-kampung tersebut khususnya kedudukan Changkat sama ada di Kerian, Perak atau Seberang Perai dan sama ada Sungai Aceh dan Kampung Kedah itu dua kampung yang berbeza atau sama. Penelitian ke atas kedudukan geografi kawasan-kawasan ini, kajian ini merumuskan bahawa kampung Changkat dan Kampung Sungai Aceh terletak di Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Dari Sungai Aceh, keluarganya berpindah ke Kampung Kedah yang terletak di Parit Buntar, Perak. Said menetap di sana sehingga tahun 1312H. Kekeliruan ini timbul kerana ketiga-tiga kampung tersebut terletak di kawasan sempadan tiga buah negeri Pulau Pinang, Perak dan Kedah, malah jarak antara Kampung Sungai Aceh dan Kampung Kedah hanya 12KM. Penghijrahan Said ke Kampung Kedah dikaitkan oleh kebanyakan pengkaji dengan serangan Siam ke atas Kedah. Pernyataan ini wajar diteliti semula kerana peristiwa peperangan itu berlaku antara antara tahun 1821 dan 1841, sedangkan tahun kelahiran Said ialah 1854. Berkemungkinan peristiwa tersebut berkaitan dengan penghijrahan bapanya, bukannya Said.

Setelah menetap beberapa lama di Perak, Muhammad Said kembali ke negeri Kedah pada tahun 1312H/1894 (Azhan 2012) atas permintaan Tengku Mahmud dan menetap di Kanchut, Alor Setar. Beliau dilantik sebagai guru diraja yang ditugaskan mengajar anak-anak kerabat. Selepas itu, beliau dilantik sebagai kadi di Jitra sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1932 (Muhammad Ismi 2003). Pada masa yang sama, beliau turut terlibat dalam kegiatan dakwah dan mengajar agama di surau dan masjid di negeri Kedah. Cerminan kehidupan sufi juga terserlah pada gaya kehidupan Said yang digambarkan oleh cucu-cucunya sebagai sederhana, seorang yang warak, zuhud, berpekerti mulia dan bersifat terpuji dan penyayang (Zulkifli & Hamza 2005).

Muhammad Sa'id meninggal dunia pada hari Rabu selepas Asar, 22 Zulkaedah 1350H bersamaan 9 Mac 1932. Jenazah beliau kemudiannya telah disemadikan di Masjid Alor Merah, Alor Setar, Kedah (Zulkifli & Hamza 2005; Mazlan et al. 2009; Mat Saad 2011). Pemergian beliau dalam usia 78 tahun diibaratkan kehilangan sebutir permata bagi masyarakat Islam di negeri Kedah. Namun begitu, warisan tafsir yang ditinggalkannya terus menabur bakti kepada seluruh umat Melayu dalam memahami kitab Allah. Sehubungan itu, pelbagai kajian dijalankan semenjak tahun 1991 untuk mendokumentasikan biografi Muhammad Said dan kitab tafsirnya kerana sejarah hidup tokoh ini belum ditulis secara khusus sehingga kini. Malah, timbul persoalan mengapa namanya tidak tersenarai dalam *Senarai Nama Ulama Kedah* oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah atau dibentangkan dalam buku-buku biografi ulama Tanah Melayu. Pengumpulan data tentang Muhammad Said juga agak terhad kerana bersumberkan percakapan lisan cucu-cicit Said selain dari catatan beliau dalam kitabnya. Maklumat ini pula dinukilkan oleh penulis demi penulis

tanpa pemurnian data yang menyebabkan wujud kekeliruan fakta dan kekosongan dalam sejarah hidupnya terutama hal pendidikan dan kehidupan Said sebelum tahun 1312H.

3. Pengenalan Tafsir Nur al-Ihsan

Keperluan masyarakat tempatan kepada sebuah tafsir yang dapat membantu mereka memahami ajaran al-Quran dan beriltizam dengan Islam telah mendorong Muhammad Said menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan*. Ini disebabkan tidak ada karya tafsir dalam bahasa Melayu Jawi kecuali *Tarjuman al-Mustafid*, yang boleh mereka telaah. Bahkan, *Tarjuman al-Mustafid* pun merupakan sebuah karya yang agak lama dan diolah dalam bahasa Melayu Aceh pada abad ke-17M, justeru kesulitan pasti timbul untuk masyarakat awam memahaminya. Selain itu mereka juga sangat bergantung kepada syaranan tafsir yang disampaikan oleh guru-guru agama yang berpandukan kepada kitab-kitab tafsir dalam bahasa Arab. Oleh itu, kemunculan *Tafsir Nur al-Ihsan* adalah tepat pada masanya.

3.1 Keaslian karya

Sumber rujukan utama dalam penghasilan kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* ialah *Tafsir al-Jalalayn*, *Tafsir al-Baydawi* dan *al-Futuhat al-Ilahiyyah bi Tawdih Tafsir al-Jalalayn li al-Daqiq al-Khaifiyyah* yang dikenali sebagai *Tafsir al-Jamal*. Perkara ini dijelas sendiri oleh Said (1391H, jld. 1) “dan adalah tempat perpegangan hamba padanya itu *Tafsir Jalalayn*, *Baydawi* dan *al-Jamal* dan lain-lainnya daripada segala kitab tafsir al-Quran”. Berdasarkan kepada penggunaan sumber tersebut, Zulkifli dan Hamza (2005) dan Mazlan *et al.* (2007) berpendapat bahawa *Tafsir Nur al-Ihsan* ini merupakan kitab tafsir yang berbentuk terjemahan saduran. Terjemahan saduran bermaksud terjemahan yang dibuat secara bebas, tanpa sebarang kongkongan, asalkan dapat mengekalkan isi penting karya asal dan semangatnya sahaja serta kadang kala berlaku tokok tambah dalam terjemahan tersebut. Pendapat ini wajar diteliti semula secara ilmiah dengan membandingkan teks *Tafsir Nur al-Ihsan* dan sumber-sumber teks asal, kerana persempahan tafsir ini didapati tidak memenuhi ciri-ciri terjemahan saduran secara mutlak. Meskipun begitu, tidak dinafikan bahawa dominasi *Tafsir al-Jalalayn* dan *Tafsir al-Jamal* sebagai sumber pengambilan riwayat dan hadis, termasuk *Isra' Iliyyat* sangat ketara (Mohd Sholeh & Mohd Nizam 2013).

Jika dibuat penelitian, Muhammad Sa'id Umar juga menggunakan kaedah mentafsir al-Qur'an dengan qira'at terutamanya Qira'at al-Tafsiriyyah atau al-Mudrajah.

4. Definisi al-Qira'at al-Mudrajah

Dari sudut bahasa

أدرجت “الإدراج” *merupakan lafaz pecahan daripada* “درج” *yang bermakna masuk dan gabung. Contohnya:* أدرجت الشيء في الشيء أي أدخلته فيه وضمنته إياه (Al-Jauhariy. 1420. 1: 464 , Ibn Manzur. 2000. 5: 238)

Istilah

Tambahan diantara kalimah al-Qur'an yang menyalahi penyusunan tulisan mushaf dengan tujuan pentafsiran. atau tambahan dalam al-Qur'an yang merupakan tafsiran terhadap kalimah seperti qira'at Sa'd bin Abi Waqqas:

وله آخر أو أخت من أم

Qira'at Ibn Abbas:

ليس عليكم جناح أن تبتغوا فضلا من ربكم في مواسم الحج

Dan Qira'at Ibn al-Zubayr:

ولتكن منكم أمة يدعون بالخير ويأمرن بالمعروف وينهون عن المنكر ويستعينون بالله على ما أصابهم

(Al-Sayutiyy. 1416. 1: 208)

5. Hubungan al-Qira'at al-Mudrajah dengan Tafsir dan Kesannya Terhadap Makna Ayat.

Al-Qira'at al-Mudrajah merupakan resapan yang berperanan sebagai tafsiran dan penjelasan terhadap maksud al-Qur'an. Qira'at Mudrajah sekalipun tidak dikira sebagai al-Qur'an, tetapi ia termasuk dalam kategori Khabar Ahad yang diriwayatkan daripada Nabi s.a.w yang berperanan sebagai pentafsir al-Qur'an. Walaupun ia tidak termasuk dalam lingkungan Tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an, tetapi ia dikira sebagai mentafsirkan al-Qur'an

dengan al-Sunnah apabila perawi dikalangan Sahabat secara langsung meriwayatkannya daripada Nabi s.a.w. Sekiranya ia mauquf, sekurang-kurangnya ia menjadi tafsiran Sahabat. (Muhammad ^cUmar Bazmul. 1417. 1: 376)

6. Hukum Berhujah dengan al-Qira'at al-Mudrajah Dalam Masalah Hukum

Ulama berselisih pendapat dalam masalah ini kepada dua pendapat: (Al-Qathamiyy. 1433H/2012M. 53)

Pertama: Abu Hanifah, al-Hanafiyah, sekumpulan al-Shafi^ciyyah, al-Hanabilah, Ibn Taimiyyah, al-Subkiy, al-Zarkasyi dan Ibn al-Jazariy berpendapat harus dijadikan hujah dan diamalkan.

Alasan mereka ialah al-Qira'at al-Mudrajah berkedudukan menyamai Khabar Ahad, walaupun ia bukan al-Qur'an, tetapi diriwayatkan oleh perawi yang adil yang wajib diterima periwayatan mereka. Ibn al-Laham berkata: Qira'at Ibn Mas^cud berkaitan kifarat sumpah iaitu berpuasa tiga hari berturut-turut adalah menjadi hujah bagi kami dan madhhab Abu Hanifah.

Kedua: Jumhur al-Malikiyyah, sebahagian al-Shafi^ciyyah dan satu riwayat Imam Ahmad berpendapat tidak boleh dijadikan hujah dan tidak harus diamalkan. Hujah mereka ialah; Tambahan yang diserapkan yang terdapat di dalam Mushaf Ibn Mas^cud ini adalah tidak mutawatirdan bukan al-Qur'an.

Contoh-contoh Tafsiran dengan Qira'at di dalam Tafsir Nurul Ihsan

Pertama: Surah al-Baqarah ayat 37

Muhammad sa'id mentafsirkannya:

Maka bertemu Adam daripada Tuhannya beberapa kalimah taubat diilham akandia. (Muhammad Sa'id Umar. 1391. 1: 15) Disini Muhammad Sa'id mentafsirkan ayat ini dengan Qira'at Ibn Kathir iaitu menasabkan kalimah "آدم" yang membawa maksud Nabi Adam telah diilhamkan oleh Allah dengan kalimah taubat yang menunjukkan bahawa Allah amat menyayangi Nabi Adam. Sedangkan bacaan dammah membawa maksud Nabi Adam mempelajari kalimah taubat daripada Allah yang menunjukkan ia terlalu haloba untuk bertaubat. (Amal Khamis Hammad. 1427H/2006M. 13)

Kedua: Surah al-Baqarah 198

Tafsiran Muhammad Sa'id:

Tiada atas kamu itu dosa bahawa kamu tuntut akan kurnia rezeki daripada Tuhan kamu dengan tijarah pada dalam haji. (Muhammad Sa'id Umar. 1391H. 1: 63)

Dalam tafsiran ini Muhammad Sa'id mentafsirkan ayat dengan qira'at Tafsiriyyah daripada Ibn ^cAbbas apabila beliau menambah "Pada dalam haji". Tafsiran Ibn ^cAbbas ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhariy seperti berikut:

عَنْ أَبْنَى عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: "كَانَتْ عُكَاظٌ، وَمَجَّةٌ، وَذُو الْمَجَازِ، أَسْوَاقًا فِي الْجَاهِلِيَّةِ، فَلَمَّا كَانَ الإِسْلَامُ، فَكَانُوكُمْ تَأْمُلُونَ فِيهِ، فَقَرَأْتُ: {إِنَّ عَيْنَكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَتَبَوَّأُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ} [البقرة: 198] فِي مَوَاسِيمِ الْحَجَّ" قَرَأْهَا أَبْنُ عَبَّاسٍ

(Al-Bukhariy. 1407H/1986M. 4: 338)

Maksudnya:

Daripada Ibn ^cAbbas r.a berkata: ^cUkkaz, Majannah dan Dhu al-Majaz merupakan pasar di zaman Jahiliyyah, apabila datang Islam para sahabat merasa bersalah bermiaga dimusim haji lalu turun ayat: Tidak menjadi kesalahan bagi kamu untuk mencari limpah kurnia Allah di musim haji. Ini merupakan bacaan Ibn ^cAbbas.

Ketiga: Surah al-Baqarah ayat 222

Tafsiran Muhammad Sa'id:

Dan lagi menanyai mereka itu akan dikau daripada haid apa suatu yang boleh diperbuat pada perempuannya yang haid? Kata olehmu ya Muhammad iaitu penyakit kotor, maka tinggal oleh kamu akan perempuan pada masa haid daripada wati' jima' mereka itu. Dan jangan kamu hampir akan mereka itu dengan jima' hingga suci mereka itu **dengan mandi junub** kemudian daripada putusnya. Maka haram jima' dalam haid dan dahulu daripada mandi junub kemudian daripada putusnya. Maka apabila suci mereka itu maka datang oleh kamu akan mereka itu dengan jima' daripada tempat yang disuruh akan kamu oleh Allah iaitu qubul dan jangan kamu lampau kepada dubur. Bahawasanya Allah Ta^cala itu kasih ia akan orang yang banyak taubat daripada dosa dengan tinggal jima' perempuan yang dalam haid dan kasih ia akan orang yang bersuci daripada janabah dan hadas kecil dan dosa dengan mandi junub dan ambil wudu' dan mengucap istighfar. (Muhammad Sa'id Umar. 1391H. 1: 72)

Tafsiran Muhammad Sa'id terhadap lafaz “بَطْهَرَنْ” **dengan mandi junub** adalah berdasarkan qira'at Imam Asim, Hamzah dan al-Kisa'i iaitu ditashdidkan huruf “ط” dan “م”.

Bacaan “بَطْهَرَنْ” dengan tashdid “ط” dan “م” adalah berasal daripada kalimah “بَطْهَرَنْ” yang bermaksud bersuci dengan air. Dan bacaan “بَطْهَرَنْ” bermaksud berhenti darah haid. (Abu Mansur al-Azhariy. 1993. 1: 202)

Ulama berselisih pendapat tentang masalah ini: (Al-Sabuniy. 1428H/2007M. 1: 214)

- Imam Abu Hanifah berpendapat maksud suci ialah berhenti darah haid. Apabila berhenti darah haid, maka diharuskan bagi suami menyebuhinya sebelum mandi sekiranya tempoh haid melebihi sepuluh hari. Sekiranya tempoh haid kurang daripada sepuluh hari, maka wajib mandi sebelum disetubuhinya.
- Jumhur ulama iaitu Imam Malik, al-Shafi^ce dan Ahmad berpendapat maksud suci ialah berhenti haid dan mandi hadas. Oleh itu tidak dihalalkan menyebuhinya setelah berhenti haid kecuali selepas mandi hadas.
- Tawus dan Mujahid berpendapat memadai dengan membasuh kemaluan dan berwudu' untuk menghalalkan jima'. Pendapat ini ditarjihkan oleh Shaikh al-Albaniy dengan katanya: “الظهر” didalam ayat ini tidak hanya terbatas kepada mandi sahaja, bahkan ia menjangkau kepada maksud membasuh darah haid, berwudu' atau mandi. Oleh itu, jika seseorang perempuan melakukan salah satu daripada perkara tersebut, maka halal bagi suami menyebuhinya. Perselisihan ulama terhadap masalah ini disebabkan oleh hadith Ibn ^cAbbas:

إِذَا أُتِيَ أَحَدُكُمْ امْرَأَهُ فِي الدَّمِ فَلِيَتَصْدِقَ بِدِينَارٍ، وَإِذَا وَطَئَهَا وَقَدْ رَأَتِ الظَّهَرَ وَلَمْ تَغْتَسِلْ فَلِيَتَصْدِقَ بِنَصْفِ دِينَارٍ

(Al-Albaniy. 3: 53)

Maksudnya:

Apabila seseorang daripada kamu menyebuhinya isterinya ketika haid hendaklah ia bersedekah sebanyak satu dinar. Apabila ia menyebuhinya setelah berhenti haid dan sebelum mandi hadas, hendaklah ia bersedekah sebanyak setengah dinar.

Hadith ini Da^cif kerana diriwayatkan daripada jalur (tariq) ^cAbd al-karim bin Abi al-Makhariq Abu Umayyah, ulama bersepakat mengatakan beliau adalah da^cif. (Ibrahim Abu Shadiy. 1428H/2007M. 345)

Keempat: Surah al-Baqarah ayat 238

Tafsiran Muhammad Sa'id:

Pelihara oleh kamu atas sembahyang lima waktu dan sembahyang wusta iaitu asar atau subuh atau zuhur beberapa aqwal disebut akan dia kerana kelebihannya. (Muhammad Sa'id Umar. 1391H. 1: 80)

Dalam tafsiran terhadap maksud “Salat al-Wusta”, Muhammad Sa'id menyebut tiga pendapat dan beliau mengutamakan tafsiran yang mengatakan sembahyang asar. Ini sebagai isyarat bahawa beliau lebih bersetuju dengan tafsiran ini. Tafsiran ini dirujuk kepada qira'at Hafsah dan ^cAishah. (Abu ^cUbayd.2009 . 195) Ia juga disokong oleh hadith:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَوْمَ الْخُنَدِ: «حَبَسْوَنَا عَنْ صَلَةِ الْوُسْطَى صَلَاةُ الْعَصْرِ مَلَأَ اللَّهُ بُيُوتَهُمْ وَقُبُورَهُمْ نَارًا»

(Abu Daud.)

Hadith ini dinilai sahih di dalam Sahih wa Da^cif Sunan Abi Daud (Al-Albaniy. 1419H/1998M. 1: 409).

Kelima: Surah al-nisa' ayat 12

Muhammad Sa'id mentafsir ayat ini dengan katanya:

Dan jika ada lelaki yang dipusaka itu “kalalah” tiada bapa dan tiada anak atau perempuan kalalah dan ada baginya saudara lelaki atau perempuan **yang seibu**, maka bagi tiap-tiap daripada keduanya sudus daripada barang yang ditinggal.

Tambahan lafadz “yang seibu” adalah tafsiran berdasarkan qira'at Sa^cd bin Abi Waqqas yang membawa maksud tidak termasuk saudara seibu sebaik dan juga saudara sebaik. Ini merupakan hukum yang disepakati (Ibid).

Ibn ^cAbd al-Bar berkata: Ulama sepandapat mengatakan maksud “al-ikhwah” dalam ayat ini saudara seibu. Sesungguhnya diriwayatkan daripada sebahagian sahabat bahawa mereka membaca dengan: (وله أخ أو اخت من أم) ini menunjukkan bahawa ‘ikhwah” dalam ayat ini adalah khusus saudara seibu (Al-Qathamiy. 2012. 48).

Keenam: Surah al-Ma''idah ayat 89

Tafsiran Muhammad Sa'id:

Tiada diambil akan kamu oleh Allah dengan lagha pada sumpah kamu yang tergelincir lidah seperti kata “عَزَّ، وَاللهُ، وَبِلَى، وَاللهُ“ tiada demi Allah, dan sebenar demi Allah, dan tetapi mengambil ia akan kamu dengan barang yang kamu qasad akan sumpah. Maka kaffarahnya apabila kena sumpah itu beri makan sepuluh orang miskin tiap-tiap seorang secupak beras daripada makanan yang pertengahan yang kamu beri makan ahli kamu tiada yang baik sangat dan tiada yang huduh atau pakaian mereka itu yang dinama pakaian seperti baju dan serban kain pakai dan tiada memadai beri seorang miskin atau **merdeka hamba yang mu'minah** seperti kaffarah bunuh dan zihar. Muhammad Sa'id Umar. 1391H. 1: 240)

Dalam mentafsirkan ayat ini Muhammad Sa'id merujuk kepada qira'at yang membaca **فَتَحَرَّرَ رَقْبَةُ مُؤْمِنَةٍ** “، lalu beliau mengkhususkan sifat mu'minah terhadap hamba yang hendak dibebaskan. Ini merupakan pendapat Imam al-Shafi'e dan lainnya bersalahan dengan Imam Abu Hanifah. (Ibn al-Jazari. 29)

Ketujuh: surah al-Ma'idah ayat 6:

Ketika mentafsirkan ayat ini Muhammad Sa'id berkata:

Hai segala mereka yang beriman! Apabila kamu hendak berdiri pada sembahyang dan berhadas, maka basuh oleh kamu akan segala muka kamu dan dua tangan kamu hingga dua siku dan sapu oleh kamu dengan kepala kamu dan **kaki kamu hingga dua mata kaki**. Empat anggota wudu' dan diambil daripada sunnah wajib niat dan tertib jadi enam fardu wudu'. Wajib sapu sekalian kepala pada Imam Malik dan Imam Ahmad. Wajib serubu' pada Imam Abu Hanifah dan barang yang dinama sapu pada Imam Syafi'e. Dan jika ada kamu junub, maka bersuci kamu dengan mandi junub niat angkat hadas besar dan merata air, bulu dengan kulit. Dan jika ada kamu sakit yang tiada boleh kena air atau atas musafir tiada air atau datang akan seorang daripada kamu itu daripada hadas atau kamu **sentuh akan perempuan atau setubuhnya**, maka tiada kamu dapat air kemudian daripada tuntutnya, maka hendaklah kamu tayammum iaitu qasad tanah yang suci. Maka sapu oleh kamu dengan muka kamu dan dua tangan kamu daripadanya dengan dua kali pukul dan merata dua anggota itu dengan sapu tanah. (Muhammad Sa'id Umar. 1391H. 1: 210-211)

Dalam penjelasan di atas, terdapat dua tempat Muhammad Sa'id menggunakan qira'at bagi mentafsir ayat, iaitu:

- a. **"kaki kamu hingga dua mata kaki"**. Dalam tafsiran ini, beliau seolah-olah menyembunyikan "ataf dan kaki kamu hingga dua mata kaki" samada dirujuk kepada "Basuh oleh kamu akan segala muka kamu" atau kepada "sapu oleh kamu dengan kepala kamu". Tindakan ini seolah-olahnya memberi ruang supaya ayat ini ditafsirkan dengan dua pengertian iaitu membasuh kaki ketika berwudu' atau menyapu khuf.
- b. **"Kamu sentuh akan perempuan atau setubuhnya"**, Muhammad Sa'id mentafsirkan ayat ini dengan menggunakan dua qira'at iaitu "لمستم" yang bermaksud sentuh dan "لامستم" yang bermaksud jima'.

Nafi', Ibn Kathir, Abu ^Amr, 'Asim dan Ibn ^Amir membaca dengan "لامستم" ، sementara Hamzah dan al-Kisa'I membacanya dengan "لمستم". Dari sudut maknanya terdapat tiga pendapat:

1. Jima'
2. Menyentuh kulit.
3. Merangkumi kedua-dua maksud di atas.

Muhammad bin Yazid berpendapat, "لامستم" bermaksud mengucup, mencium dan seumpamanya kerana perbuatan ini berlaku dari kedua-dua pihak iaitu lelaki dan perempuan. Manakala "لمستم" hanyalah tindak balas dari lelaki sahaja. (Al-Qurtubiy. 1408H/1988M. 3: 145)

Ulama berselisih pendapat tentang hukum yang berkaitan dengan ayat ini kepada lima madhhab: (Ibid)

Pertama: Ibn ^Umar dan Ibn Mas^ud: Maksud "mulamasah" dalam ayat ini khusus sentuh dengan tangan, adapun hukum yang berkaitan dengan junub, ia tertentu dengan air sahaja. (maksudnya tidak sah bertayammum bagi orang yang berjunub) Orang yang berjunub hanya diberi dua pulihan; iaitu mandi dengan air atau tinggalkan sembahyang sehingga memperolehi air.

Kedua: Abu Hanifah: "Mulamasah" bermaksud jima'. Orang yang berjunub harus bertayammum ketika ketiadaan air. Adapun bersentuhan dengan tangan, tiada kaitan dengan hukum dalam ayat ini kerana ia tidak membatalkan wudu'. Apabila seorang lelaki mencium isterinya berserta shahwat, wudu'nya tidak batal berdasarkan hadith al-Daraqutniy daripada ^Aishah r.a:

عَنْ عَائِشَةَ، «أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبْلَ بَعْضِ نِسَائِهِ، ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الصَّلَاةِ وَلَمْ يَتَوَضَّأْ»

(Al-Tirmidhiy. 1410H/1990M. 1:

237) Maksudnya:

Daripada ^cAishah r.a bahawa Nabi s.a.w mencium sebahagian isterinya kemudian keluar bersembahyang tanpa berwudu’.

(Hadith ini dinilai sahih oleh al-Shaikh al-Albaniy di dalam Sahih wa Da^cif Sunan Al-Tirmidhiy. 1419H/1998M. 1: 86) Maktabah al-Ma^carif. Cet-1.

Ketiga: Imam Malik: “Mulamasah” dengan maksud jima’ harus bertayammum dan “mulamasah” dengan tangan juga harus bertayammum jika dengan shahwat. Apabila bersentuh kulit antara lelaki dan perempuan tanpa shahwat, maka tidak membatalkan wudu’.

Keempat: Al-Shafi^ce: Apabila bersentuhan antara lelaki dan perempuan pada mana-mana anggota, terbatallah wudu’.

Kelima: Al-Auza^ci: Apabila bersentuh dengan tangan sahaja yang membatalkan wudu’, tidak anggota lain.

7. Kesimpulan

Penggunaan kaedah Tafsiran al-Qur'an dengan qira'at yang diaplikasikan oleh Muhammad Sa'id Umar merupakan satu kemajuan yang amat dibanggakan. Lebih-lebih lagi di zaman beliau yang masyarakatnya belum terdedah dengan pendekatan ilmu qira'at. Pada zaman itu juga sekolah-sekolah tahlif al-Qur'an belum wujud seperti hari ini. Ini menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang maju kehadapan disaat masyarakat belum terdedah dengan ilmu pengetahuan. Oleh itu, Tafsir Nurul Ihsan merupakan warisan yang amat bernilai bagi masyarakat melayu dan amat perlu dipelihara dan dipelajari serta difahami isinya.

Rujukan

- Al-Albaniy. 1419H/1998M. Muhammad Nasir al-Din. Sahih wa Da^cif Sunan Abi Dawud. Maktabah al-Ma^carif. Abdullah al-Qari. 2009. *Tuk Kenali Penggerak Ummah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hafiz Abdullah & Hasimah Muda. 2006. Peranan Ulama Pondok dalam Pengajian Tafsir al-Qur'an: Kajian di Tiga Buah Pondok Negeri Kelantan. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III: Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu*, hlm. 21-34.
- Abu ^cUbayd. Al-Qasim bin Salam. 2009. *Fada'il al-Qur'an wa Ma^calimuh wa Adabuh*. Maghrib. Wizarah al-Auqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Amat Juhari Moain. 2002. Prakata. Dlm. Hj. Md. Said Hj. Suleiman. *Buku Katan Kamus Melayu*, hlm. v-ix. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amal Khamis Hammad. *Tafsir al-Qur'an bi al-Qira'at al-Qur'aniyyah al-^cAshr min Khilal Suwar al-Isra' wa al-Kahf wa Maryam*. (Tesis Sarjana) al-Jami^cah al-Islamiyyah – Ghazah. 1427H/2006M.
- Al-^cAsqalaniy. Ahmad bin ^cAli bin hajar. 1986. *Fath al-Bariy bi Sharh Sahih al-Bukhariy*. Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Bahrum Faizan. 2013. Perumian dan Pentahkikan Tafsir Nur al-Ihsan Juzuk 1 hingga 3 al-Quran. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fauzi Deraman & Mohd Asmawi Mohamad, 2012, Maulana Tok Khurasan (1292H/1875-and 1363H/1944) dan sumbangan dalam pengajian hadis. In Mazlan Ibrahim, Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid (ed.). *Warisan Hadis Ulama Nusantara*, Bangi: Penerbit UKM.
- Hamza Muhammad @ Hamdan. 2005. *Metodologi Muhammad Sa'id 'Umar dalam Tafsir al-Qur'an: Suatu Kajian Terhadap Tafsir Nurul Ehsan*. Disertasi Ijazah Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Haziyah Hussin & Khairunnisa Ismail. 2007. Isra'iliyyat dalam karya-karya tafsir al-Quran: perbandingan sumber dengan Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru. *Jurnal Pengajian Islam*. 2: 1-22.
- Haziyah Hussin, Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Kharuddin Mohd Amin, Sabri Mohamad, Fadlan Mohd Othman, Mohd Arif Nazri & Faisal Ahmad Shah. 2012. The Trend of Malay Quranic Commentary Writing in Malaysia in the 20th Century. *Journal of Applied Sciences Research* 8(8): 4343-4349.

- Ismail Yusof. 1995. *Perkembangan Pengajian dan Penulisan Tafsir di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Ibn Manzur. Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram. 2000. *Lisan al-^cArab*. Dar Sadir. Bairut.
- Al-Jauhariy. Abu Nasir Isma^cil bin Hammad. 1420H. *Al-Sihah Taj al-Lughah wa Sihah al-^cArabiyyah*. Dar al-Kutub al-^cArabiyyah.
- Jelani Harun. 2004. Institusi Percetakan Awal di Pulau Pinang dan Sumbangannya dalam Pensejarahan Bahasa dan Sastera Negara. *Jurnal Pengajian Melayu* 14: 1-30.
- Mat Saad Abdul Rahman. 2011. *Ensiklopedia Ulama': Ulama Mazhab Shafi'i*. Jil. 10, 11 & 12. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Muhd Najib Abdul Kadir. 2007. Nash'ah Kitabat al-Tafsir wa Tatawwuriha fi Arkabil al-Malayu. Dlm. Indriaty Ismail, Abdull Rahman Mahmood, Zul'azmi Yaakob & Ahmad Sunawari Long (pnyt.). *Issues of Culture and Thought: Malaysia-Jordan Perspectives*, hlm. 613-626. Bangi: Faculty of Islamic Studies National University of Malaysia.
- Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Muhd Najib Abdul Kadir. 2009. *Pengenalan Tokoh dan Kitab-kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sholeh Sheh Yusuff & Mohd Nizam Sahad. 2013. Tafsir Nur al-Ihsan by Syeikh Muhammad Sa'id: An Intertextual Reading. *International Journal of Humanities and Social Sciences*. Special Issue Vol. 3 (10): 164-171.
- Al-Mubarakfuriy. Muhammad ^cAbd al-Rahman bin ^cAbd al-Rahim. 1990. *Tuhfat al-Ahwadhiy bi Sharh Gami^c al-Tirmidhiy*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Bairut-Lubnan.
- Muhammad Sa'id 'Umar. 1391H. *Tafsir Nur al-Ihsan*. Patani: Matba^cah bin Halabi.
- Muhammad Umar Bazmul. 1417. *Al-Qira'at wa Atharuha fi al-Tafsir wa al-Ahkam*. Dar al-Hijrah.
- Mustaffa Abdullah. 2009. *Khazanah Tafsir di Nusantara*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mustaffa Abdullah et.al. 2012. Sayyid Muhammad Rasyid Rida's influence on Tafsir Studies in Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research*. 12(6): 760-766
- Nurzatil Ismah binti Azizan. 2009. *Tafsir Nur al-Ihsan oleh Muhammad Said b. Umar dan Tafsir al-Qur'an al-Hakim oleh Mustafa Abdul Rahman: Kajian Perbandingan Metodologi Pentafsiran*. Disertasi Ijazah Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Al-Qathamiy. Nasir bin Sa^cud. 2012. *Al-Qira'ah al-Mudrajah Mafhumuha wa Atharuha*. Dar Kunuz Ishbiliyya li al-Nashr wa al-Tauzi^c, Sa^cudi.
- Al-Qurtubiy. Abu ^cAbdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansariy. 1988. *Al-Jami^c li Ahkam al-Qur'an*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bairut-Lubnan.
- Riddell, Peter G. 2001. *Islam and the Malay-Indonesian World: Transmission and Responses*. Singapore: Horizon Books Pte. Ltd.
- Al-Sabuniy. Shaikh Muhammad ^cAli. 2007. *Rawai^c al-bayan fi Tafsir Ayat al-Ahkam*. Dar al-Sabuniy. Al-Sayuti. Jalal al-Din ^cAbd al-Rahman bin Abu Bakr. 1416. *Al-Itqan fi ^cUlum al-Qur'an*. Dar al-Fikr, Bairut.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. 2004. Muhammad Said bin Umar: pengarang *Tafsir Nur al-Ihsan*. *Utusan Malaysia*. 13 Disember 2004.
- Yalee Mahamah. 2007. Metode dan Corak Tafsir Nur al-Ihsan (Muhammad Said Umar). Skripsi Sarjana, Fakultas Ushuluddin, Institut Agama Islam Negeri Walisongo, Semarang, Indonesia.
- Zakaria Sungib. 2012. Tradisi Ilmu Hebat di al-Jenderami. *Q&A: Merungkai Persoalan Membetulkan Amalan*. Isu 2: 120.
- Zulkifli Hj Mohd Yusoff & Hamza Muhammad. 2005. Biografi Haji Muhammad Said dan Sejarah Penulisan Tafsir Nur al-Ehsan. *Al-Bayan: Journal of al-Quran & al-Hadith* 3: 65-82.